

Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA)

Markah:

50

Masa: 1 Jam 15 Minit

Arahan Am:

1. Kertas ujian ini mengandungi empat bahagian: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.
2. Kamu dikehendaki menjawab semua soalan.

Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Puan Hasnah _____ murid-muridnya yang sedang bersukan di padang sekolah.
A pemantau C dipantau
B pantauan D memantau
2. Adik menggunakan gunting yang tajam itu dengan _____.
A cermat C gopoh
B baik D laju

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

3. A Guru besar berpesan kepada murid-murid bahawa menjaga keselamatan diri.
B Rumah Ali terletak pada Kampung Baharu.
C Beg tangan ini dibeli oleh ibu di pasar raya.
D Ayah membaca surat khabar pada ruang tamu.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada bulan November hingga Mac setiap tahun, Malaysia akan mengalami musim tengkujuh. Hujan yang turun dengan lebat boleh memberikan kesan yang buruk kepada penduduk. Angin yang kencang serta guruh dan kilat sabung-menyabung juga membahayakan penduduk. Oleh itu, penduduk dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan kurangkan aktiviti luar rumah.

Kejadian banjir kilat sering berlaku di kawasan yang rendah atau kawasan yang tidak mempunyai sistem perparitan yang baik. Penduduk di kawasan rendah sentiasa diingatkan untuk membuat persiapan awal bagi menghadapi banjir. Mereka dipesan supaya menyimpan dokumen penting di tempat yang selamat, meletakkan barangan elektrik di tempat yang tinggi, dan bersedia untuk berpindah ke pusat pemindahan sementara.

4. Bilakah musim tengkujuh melanda Malaysia?
- A April hingga Jun
 - B November hingga Mac
 - C Julai hingga September
 - D Oktober hingga Disember
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Musim tengkujuh tidak berbahaya kepada penduduk.
 - B Hujan lebat yang turun memberikan kesan yang baik kepada penduduk.
 - C Kawasan yang rendah dan tidak mempunyai sistem perparitan yang baik akan mudah banjir.
 - D Penduduk digalakkan melakukan aktiviti luar ketika hujan.
6. Berikut persiapan awal yang dilakukan oleh penduduk untuk menghadapi banjir berdasarkan teks petikan, *kecuali*
- A bersedia untuk berpindah ke pusat pemindahan sementara.
 - B menyimpan dokumen penting di tempat yang selamat.
 - C meletakkan barangan elektrik di tempat yang tinggi.
 - D berenang ke tempat yang selamat ketika banjir kilat melanda.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

KARNIVAL KESIHATAN

Anjuran : Persatuan Penduduk Taman Sutera
Tarikh : 10 Ogos 2024 (Sabtu)
Masa : 8:00 pagi hingga 5:00 petang
Tempat : Balai Raya Taman Sutera
Tujuan : Meningkatkan kesedaran akan kepentingan menjaga kesihatan serta menambahkan pengetahuan tentang gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat

Penceramah : Encik Helmi bin Ibrahim, Pegawai Perubatan

Aktiviti:

- Senamrobik
- Sukaneka
- Ceramah: • Amalan Gaya Hidup Sihat
 - Penyakit Berjangkit
 - * Cara-cara penyakit berjangkit *merebak*
 - * Langkah-langkah mencegah penyakit berjangkit
- Pameran Kesihatan
- Kuiz Kesihatan

BAHAN 2

Taun ialah penyakit berjangkit yang sangat berbahaya. Penyakit ini berpunca daripada makanan dan minuman yang dicemari bakteria. Misalnya, minum air yang tidak dimasak dan makan sayur-sayuran yang tidak dicuci dengan bersih. Penyakit ini juga mudah *merebak* di tempat-tempat yang kotor serta dipenuhi sampah sarap seperti kawasan sungai yang kotor.

Individu yang dijangkiti taun akan mengalami gejala-gejala seperti cirit-birit yang teruk, muntah, dehidrasi, kekejangan otot, dan sistem imunisasi badan menjadi lemah. Penyakit ini boleh membawa maut jika tidak dirawat dengan segera.

7. Tujuan Persatuan Penduduk Taman Sutera menganjurkan Karnival Kesihatan adalah untuk

- A menggalakkan masyarakat di Taman Sutera untuk mengamalkan gaya hidup sihat.
- B mengisi masa hujung minggu penduduk dengan program kesihatan yang bermanfaat.
- C meningkatkan kesedaran akan kepentingan menjaga kesihatan serta menambahkan pengetahuan tentang gaya hidup sihat.
- D mengurangkan kesedaran akan kepentingan menjaga kesihatan serta menambahkan pengetahuan tentang gaya hidup sihat.

8. Penyakit ini juga mudah merebak di tempat-tempat yang kotor serta dipenuhi sampah sarap seperti kawasan sungai yang kotor.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A buah.
- B bidang.
- C pasang.
- D batang.

9. Perkataan *merebak* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A meluas.
- B menular.
- C menjalar.
- D meresap.

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Persatuan Penduduk Taman Sutera mengadakan aktiviti senamrobik dan sukaneka sempena Karnival Kesihatan.
- B Penyakit taun tidak berbahaya kepada manusia.
- C Encik Helmi bin Ibrahim akan menyampaikan ceramah tentang penyakit taun.
- D Kawasan sungai yang bersih akan meningkatkan penularan penyakit taun.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Aku sebuah kamera litar tertutup. Aku biasanya dipasang di sekolah, bank, pejabat, hospital, rumah, jalan raya, dan sebagainya. Aku berfungsi untuk mengawasi dan merakam setiap pergerakan sekeliling aku. Oleh sebab itu, aku selalu digunakan oleh pihak berkuasa untuk menyiasat pelbagai kejadian jenayah yang berlaku.

Pada suatu hari, aku telah dibeli oleh Encik Akim. Kemudian, aku dipasang di kawasan sekolah. Tujuan aku dipasang di kawasan sekolah adalah untuk memantau pergerakan warga sekolah dan orang luar yang keluar dan masuk ke dalam kawasan sekolah. Aku dipasang pada sudut atas bangunan yang membolehkan aku melihat seluruh kawasan sekolah. Aku menjalankan tugas aku dengan penuh amanah demi keselamatan warga sekolah.

- I. (a) 'Aku' ialah sebuah _____ yang biasanya dipasang di sekolah, bank, pejabat, hospital, rumah, jalan raya, dan sebagainya.

1 markah

- (b) Mengapakah pihak berkuasa selalu menggunakan aku?

2 markah

- (c) *Bulatkan satu kata sendi nama yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Pada suatu hari, aku telah dibeli oleh Encik Akim.

1 markah

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Aku menjalankan tugas aku dengan penuh amanah demi keselamatan warga sekolah.

Demi keselamatan aku, warga sekolah menjalankan tugas aku dengan penuh amanah.	
Demi keselamatan warga sekolah, aku menjalankan tugas aku dengan penuh amanah.	

1 markah

Arahan Am:

1. Kertas ujian ini mengandungi empat bahagian: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.
2. Kamu dikehendaki menjawab semua soalan.

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Nenek sangat khusyuk _____
tikar yang ditempah oleh
pelanggannya.
A menenun
B memilih
C menyulam
D menganyam
2. Puan Chai Mei sedang menyediakan
kuih bulan _____ dapur.
A di B dari

C daripada D pada

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

3. A Kerusi ini diperbuat dengan kayu
jati.
B Duit yang diberikan oleh ibu itu
ada dengan Alif.
C Ibu menggantung gambar
keluarga pada dinding.
D Kemahiran seni ukir ini saya
belajar dari datuk.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Semasa di kampung, Lai Meng sering melihat neneknya menganyam bakul. Pada suatu hari, Lai Meng meminta nenek mengajarnya menganyam. Dia belajar perlahan-lahan sehingga mahir. Lai Meng sangat meminati seni anyaman. Biasanya, dia akan menganyam bakul pada waktu lapang atau semasa cuti sekolah.

Lai Meng pandai menghasilkan bakul yang pelbagai bentuk serta berwarna-warni. Bakul ini dianyam menggunakan daun mengkuang. Lai Meng telah menghadiahkan ibunya bakul yang dihasilkan olehnya. Dia juga memberikan bakul anyaman bekas tangannya kepada rakan-rakan dan guru-guru sebagai cenderamata. Mereka sangat kagum akan bakat yang dimiliki Lai Meng. Kraf tangan yang dihasilkan oleh Lai Meng sangat cantik dan kemas buatannya.

4. Siapakah yang mengajar Lai Meng menganyam bakul?
- A Ibu
 - B Datuk
 - C Nenek
 - D Sepupu
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Lai Meng akan menganyam bakul pada waktu lapang atau semasa cuti sekolah.
 - B Bakul ini dianyam oleh Lai Meng dengan menggunakan daun kelapa.
6. Berikut sikap yang ditunjukkan oleh Lai Meng berdasarkan teks petikan, *kecuali*
- A penyayang.
 - B baik hati.
 - C malas.
 - D rajin.
- C Hasil kraf tangan yang dihasilkan oleh Lai Meng tidak kemas.
- D Lai Meng kurang meminati seni anyaman bakul.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

KARNIVAL KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

Tarikh : 7 hingga 11 Oktober 2024 (Isnin hingga Jumaat)

Masa : 9:00 pagi – 3:00 petang

Tempat : Dewan Seri Budiman SK Damansara

Tujuan : Mencungkil *bakat* kreatif murid-murid dalam bidang seni dan budaya

Aktiviti menarik yang akan dijalankan:

- Pertandingan tarian tradisional
- Pertunjukan pakaian tradisional
- Pertandingan permainan alat muzik tradisional
- Pertandingan melukis

Hadiah menarik
menanti para pemenang!

BAHAN 2

Pada hari Sabtu yang lalu, saya dan keluarga berkunjung ke Pameran Budaya Malaysia yang diadakan di Balai Raya Taman Permai. Tujuan pameran itu diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan penduduk yang berbilang kaum tentang budaya Malaysia. Pameran ini dianjurkan oleh Persatuan Penduduk Taman Permai dengan kerjasama Muzium Negara yang menyediakan bahan pameran tentang budaya Malaysia.

Dengan berkunjung ke pameran ini, pengunjung dapat mengetahui dan memahami budaya pelbagai kaum di Malaysia, mengasah *bakat* memasak makanan tradisi serta dapat merasai keenakan makanan tradisi pelbagai kaum. Pameran ini sangat bermanfaat dan dapat memupuk semangat muhibah. Pengunjung diberikan gelang manik sebagai tanda terima kasih. Kami berasa bangga kerana Malaysia mempunyai keunikannya yang tersendiri.

7. Apakah objektif Karnival Kesenian dan Kebudayaan diadakan?
- A Mempromosikan kepelbagaian seni dan budaya di Malaysia
 - B Mencungkil bakat kreatif murid-murid dalam bidang seni dan budaya
 - C Memupuk silaturahim dalam kalangan penduduk yang berbilang kaum
 - D Mencungkil bakat terpendam yang dimiliki oleh penduduk
8. Pengunjung diberikan gelang manik sebagai tanda terima kasih.
- Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A bilah.
 - B utas.
 - C butir.
 - D ketul.
9. Perkataan *bakat* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A kebolehan.
 - B kepandaian.
 - C kesaksamaan.
 - D kesedaran.
10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Karnival Kesenian dan Kebudayaan diadakan di balai raya.
 - B Pihak Muzium Negara terlibat dengan Karnival Kesenian dan Kebudayaan.
 - C Program kesenian dan kebudayaan dapat mencungkil bakat terpendam murid-murid.
 - D Pameran Budaya Malaysia disertai oleh murid-murid sekolah.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Mui Ling sering mengikut ayahnya ke kebun sayur yang terletak di belakang rumah. Sebelum pergi ke kebun, ayah Mui Ling menyuruh Mui Ling memakai pakaian yang sesuai, bersarung tangan, dan berkasut but.

Ayah tidak membenarkan Mui Ling memakai selipar yang nipis semasa ke kebun kerana boleh menyebabkan kakinya terkena benda yang tajam seperti tunggul kayu, paku atau kaca. Pemakaian kasut but yang tebal dapat melindungi kaki Mui Ling.

- I. (a) Mui Ling sering mengikut ayahnya ke _____ yang terletak di belakang rumah.

1 markah

- (b) Bagaimanakah cara Mui Ling menjaga keselamatan diri semasa ke kebun sayur?

2 markah

- (c) Bulatkan satu kata kerja yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Ayah tidak membenarkan Mui Ling memakai selipar yang nipis semasa ke kebun kerana boleh menyebabkan kakinya terkena benda yang tajam seperti tunggul kayu, paku atau kaca.

1 markah

- (d) Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Sebelum pergi ke kebun, ayah Mui Ling menyuruh Mui Ling memakai pakaian yang sesuai, bersarung tangan, dan berkasut but.

Mui Ling meminta ayahnya memakai pakaian yang sesuai, bersarung tangan, dan berkasut but sebelum pergi ke kebun.	
Mui Ling diminta oleh ayahnya supaya memakai pakaian yang sesuai, bersarung tangan, dan berkasut but sebelum pergi ke kebun.	

1 markah